



JPAN:(S)900-5/87/(24)

31 Julai 2009

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG TELAH BERKHIDMAT 15 TAHUN DAN LEBIH DALAM SKIM PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN SEMASA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerimapakai pelaksanaan kenaikan pangkat **Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih serta masih berada di gred lantikan dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan semasa untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat sebagaimana yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Tarikh kuatkuasa pelaksanaannya adalah mulai **1 Julai 2009** dan dilaksanakan secara berterusan. Walau bagaimanapun, keputusan ini tidak meliputi pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) yang mempunyai kaedah kenaikan pangkat yang lain. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia (JPA) rujukan JPA(S)NP.134/1 Klt.19/s.k 2 (11) bertarikh 14 Mei 2009 ada kaitan.

...2/-

JPAN:(S)900-5/87/(24)
31 Julai 2009

3. Bagi melaksanakan keputusan ini, semua Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan perlu mengenalpasti Pegawai Kumpulan Sokongan di bawah tanggungjawab masing-masing yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat berdasarkan keputusan ini untuk diperakukan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan. Pegawai Kumpulan Sokongan yang layak dipertimbangkan dan kaedah pelaksanaannya adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Keputusan ini bagaimanapun tidak menjejaskan urusan kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan hakiki yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

5. Sehubungan dengan ini, semua Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan kaedah yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A dan A1**.

6. Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai perkara ini, pihak Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan diminta berhubung dengan pegawai-pegawai berikut di Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri:-

- i. Puan Halizah Binti Haji Bustamam (Tel: 260161 ext. 175)
 Halizah.Bustamam@sabah.gov.my
- ii. Puan Josie Lai (Tel: 260161 ext. 191)
 Josie.Lai@sabah.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"


(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

JPAN:(S)900-5/87/(24)
31 Julai 2009

s.k.

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 1 - 5, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat, Likas,
88400 KOTA KINABALU

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 4, Blok B
Wisma MUIS
Peti Surat No. 10998
88811 KOTA KINABALU

KAEDAH PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG TELAH BERKHIDMAT 15 TAHUN DAN LEBIH DALAM SKIM PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN SEMASA

1. Pegawai Yang Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat Secara Khas Untuk Penyandang (KUP)
 - 1.1 Pegawai Kumpulan Sokongan yang masih berada di gred lantikan dan tempoh perkhidmatannya **genap 15 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan yang sama** pada atau selepas 1 Julai 2009;
 - 1.2 Pegawai Kumpulan Sokongan yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan lain atau skim perkhidmatan yang sama tetapi pada gred yang sama berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan **sebelum, pada atau selepas 1 Julai 2009** dan telah berkhidmat 15 tahun atau lebih sebelum, pada atau selepas 1 Julai 2009 dan tempoh perkhidmatan pegawai dalam skim perkhidmatan sebelum opsyen pertukaran pelantikan diambil kira untuk pertimbangan kenaikan pangkat. Contoh skim perkhidmatan yang terlibat adalah Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang ditukar lantik ke Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17, Penolong Pegawai Laut Gred A29 dan Penolong Jurutera Laut Gred A29 yang ditukar lantik ke Penolong Pegawai Laut Gred A29;
 - 1.3 Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Jumud; dan
 - 1.4 Pegawai Kumpulan Sokongan yang bersara wajib atau meninggal dunia di gred lantikan dan telah berkhidmat 15 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan yang sama tetapi masih berada dalam perkhidmatan sehingga 1 Julai 2009.
2. **Kaedah Penetapan Tarikh Kenaikan Pangkat**
 - 2.1 Kaedah penetapan tarikh kenaikan pangkat bagi pegawai yang dinyatakan di perenggan 1 di atas adalah seperti berikut :
 - (a) jika tempoh perkhidmatan pegawai **genap 15 tahun atau lebih pada 1 Julai 2009**, tarikh kuat kuasa kenaikan pangkatnya adalah pada **1 Julai 2009**, sama ada urusan kenaikan pangkat dilaksanakan sebelum, pada atau selepas 1 Julai 2009; atau
 - (b) jika tempoh perkhidmatan pegawai **genap 15 tahun selepas 1 Julai 2009**, tarikh kuat kuasa kenaikan pangkatnya adalah pada tarikh genap tempoh 15 tahun berkhidmat.

3. Kaedah Pelaksanaan

- 3.1 Pegawai-pegawai yang dinyatakan di perenggan 1 di atas hendaklah mematuhi semua syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan syarat-syarat lain seperti berikut :
- (a) pegawai yang masih berkhidmat di gred latihan dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan yang sama selama **15 tahun** dan lebih pada 1 Julai 2009 dan selepasnya bagi tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira, iaitu tidak termasuk tempoh percubaan dengan denda atau cuti yang boleh menjejaskan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009;
 - (b) memperoleh markah **80% dan ke atas** bagi :
 - (i) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini; atau
 - (ii) LNPT tiga (3) tahun terkini termasuk urusan temuduga (jika perlu);
 - (c) lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang ditetapkan;
 - (d) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa, bebas dari sebarang tindakan tatatertib, lulus Tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan bebas daripada senarai peminjam pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan.
- 3.2 Dari segi pelaksanaannya, pegawai yang telah dinaikkan pangkat secara KUP mengikut kaedah ini boleh ditempatkan semula untuk mengisi kekosongan hakiki jawatan kenaikan pangkat berkenaan mengikut keperluan.
- 3.3 Pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat secara KUP mengikut kaedah ini dari segi hierarkinya adalah terletak di bawah penyeliaan dan kawalan ketua unit atau penyelia yang mengisi jawatan kenaikan pangkat seperti Gred 22 dan sebagainya, walaupun dari segi gred adalah setaraf dengan gred penyelia atau ketua unit berkenaan.
4. Pegawai yang dinaikkan pangkat mengikut kaedah ini adalah secara KUP atas jawatan hakiki penyandang. Sehubungan dengan itu pihak Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan hendaklah berurusan dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) bagi mewujudkan jawatan secara KUP.
5. Carta aliran proses kenaikan pangkat Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan dan perkhidmatan semasa adalah seperti di **Lampiran A1**.

**CARTA ALIRAN PROSES KENAIKAN PANGKAT (KUP)
 PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG TELAH BERKHIDMAT 15 TAHUN
 DAN LEBIH DALAM SKIM PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN SEMASA**

